



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 9 OGOS 2019

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6. 7. 8. 9. 10. 11.	HALANG MASUK KUCING PERMIT TAK SAH, SETEMPAT, HM -28 KUCING DITAHAN UNTUK SIASATAN, SINAR NEGERI TENGAH, SH -29 KUCING DITAHAN BANTU SIASATAN, NEGARA, KOSMO -17 KUCING BAKA BRITISH SHORTHAIK 'DITAHAN' DI KLIA, DALAM NEGERI, UM -46 RAMPASAN DI KELANTAN MENINGKAT TAHUN INI, NASIONAL, BH -15 MAQIS PERKETAT KAWAN PINTU MASUK NEGARA, SINAR -ONLINE MAQIS TAHAN SEEKOR KUCING BRITISH SHORT HAIR, KOSMO -ONLINE LEMBU SELUDUP BERNILAI RM44,800 DIRAMPAS, SINAR -ONLINE SIM TZE TZIN: MAQIS STRICTLY CONTROLS THE PORK IMPORTS TO PREVENT AFRICAN SWINE FEVER, NATION, KWONG WAH YIT POH -A4b 2,000 KG PORK CONFISCATED AT CHECKPOINT, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A10 SIM TZE TZIN: ONLY IMPORT 7PCT OF FOREIGN FROZEN PORK, NATION, SIN CHEW DAILY -21	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
12.	NELAYAN WARGA THAILAND DITAHAN, SINAR NEGERI UTARA, SH -34	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
13. 14.	HAIWAN IMPORT KORBAN DIKUARANTIN 28 HARI, NASIONAL, SH -12 HAIWAN IMPORT DIJAMIN BEBAS FMD, NEGARA, KOSMO -16	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
15.	RM25,000 UNTUK KORBAN MERAH, NEGARA, KOSMO -6	LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG (LPP)
16. 17. 18.	NATIONAL MEOW CHAMPIONSHIP 2019 PUPUK SEMANGAT CINTAKAN HAIWAN, PESONA, KOSMO -28,29 NELAYAN SABAH DIINGAT JANGAN TURUN KE LAUT MUSIM TENGGUJUH, NEWS, SIAKAP KELI -10 WE DISLIKE GM FOODS BECAUSE WE'RE IGNORANT ABOUT THEM, OPINION, NST -52	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/8/2019	HARIAN METRO	SETEMPAT	28

Halang masuk kucing permit tak sah

Sepang: Seekor kucing baka British Short Hair tidak dibenarkan dibawa masuk ke negara ini oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) susulan permit import dikemukakan mengelirukan.

Difahamkan, nombor mikrochip haiwan betina berkenaan tidak sama dengan yang dikemukakan menerusi permit importnya.

Ketua Pintu Masuk Maqis Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Kargo, Mohamad Maelah berkata, pihaknya melakukan pemeriksaan membabitkan 12 kucing diimport dari Russia di Kom-

leks Kargo KLIA, Sepang, 1 Ogos lalu.

“Susulan pemeriksaan ke atas 12 kucing itu, didapati satu daripada import permit yang dikemukakan adalah mengelirukan dan Maqis mengambil tindakan dengan menahan kucing berkenaan untuk siasatan lanjut.

“Kes disiasat mengikut Seksyen 13, Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) iaitu mengemukakan permit yang palsu, tidak tepat atau mengelirukan,” katanya.

Katanya, jika sabit kesalahan, individu terbabit boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjar

tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Dalam kes berasingan pada 29 Julai lalu, beliau berkata, tiga anak pokok bonsai diimport dari Tanzania, Afrika tanpa import permit yang sah daripada Maqis tidak dibenarkan masuk ke negara ini.

“Perbuatan mengimport anak pokok bonsai tanpa mempunyai permit suatu import yang sah daripada jabatan ini menjadi suatu kesalahan mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) yang boleh dihukum mengikut Seksyen 11(3) akta yang sama,” katanya.

Kucing ditahan untuk siasatan

Dibawa masuk ke negara ini guna permit import mengelirukan

NUR FARHANA ABDUL
MANAN

SEPANG



Kucing baka British short hair yang didapati dibawa masuk ke negara ini menggunakan permit import mengelirukan.

Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) menahan seekor kucing baka British short hair di Kompleks kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) susulan menggunakan permit import mengelirukan Khamis lalu.

Ketua Pintu Masuk Maqis KLIA Kargo, Mohamad Maelah berkata, pihaknya memeriksa 12 ekor kucing yang diimport dari Rusia.

Menurutnya, permit seekor daripada haiwan itu

didapati mengelirukan menyebabkan Maqis mengambil tindakan menahan kucing tersebut untuk siasatan lanjut.

“Kes disiasat di bawah Seksyen 13, Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) kerana mengemukakan permit yang palsu, tidak tepat atau mengelirukan.

“Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak

melebihi dua tahun atau kedua-duanya,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Sementara itu dalam kes berasingan 29 Julai lalu, Maqis ‘menahan’ tiga anak pokok bonsai diimport dari Tanzania, Afrika yang tidak mempunyai Permit Import sah daripada Maqis.

Mohamad berkata, menjadi satu kesalahan sekiranya mengimport anak pokok bonsai tanpa mempunyai permit import sah daripada Maqis.

Nombor mikrochip tidak sama seperti dalam permit import

Kucing ditahan bantu siasatan



SEEKOR kucing baka *British short hair* ditahan Maqis di Kompleks Kargo KLIA, Sepang pada 1 Ogos lalu.

Oleh NOR IDAYU BOSRO

SEPANG - Seekor kucing baka *British short hair* tidak dibenarkan dibawa masuk ke dalam negara oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) berikutan permit import yang mengelirukan.

Ketua Pintu Masuk Maqis Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Kargo, Mohamad Maelah berkata, pihaknya mendapati permit import salah satu daripada 12 ekor kucing yang diimport dari Rusia itu mengelirukan ketika pemeriksaan dibuat di Kompleks Kargo KLIA, Sepang di sini pada 1 Ogos lalu.

Difahamkan, nombor mikrochip kucing betina itu tidak sama seperti yang dikesukakan dalam permit importnya.

"Pihak Maqis mengambil tindakan dengan menahan kucing tersebut untuk siasatan lanjut.

"Kes akan disiasat di bawah Seksyen 13, Akta Perkhidmatan Kuarantin dan

INFO Kucing *British short hair*

- Dikenali sebagai kucing yang berwarna kelabu
- Tetapi mempunyai hampir 30 warna dan pelbagai corak
- Berbulu pendek tetapi tebal
- Mata yang sangat bulat dan besar
- Biasanya mata berwarna tembaga atau kuning
- Saiz baka yang besar dan jinak
- Pendiam, tidak memerlukan perhatian
- Mempunyai badan yang pendek dan gebu
- Ekor sederhana panjang dengan pangkal ekor yang lebih tebal daripada hujung

Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] iaitu mengemukakan permit yang palsu, tidak tepat atau mengelirukan," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurut Mohamad, jika disabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjara selama tempoh tidak lebih dua tahun atau kedua-duanya.

Sementara itu, dalam satu kes berasingan pada 29 Julai lalu, tiga anak pokok bonsai yang diimport dari Tanzania, Afrika tanpa permit import sah daripada Jabatan Maqis dilarang dibawa masuk.

Maqis berkata, perbuatan mengimport anak pokok bonsai tanpa permit sah adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang boleh dituduh di bawah Seksyen 11(3), akta sama.

Katanya, jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali.

Dalam pada itu, Maqis berkata, pihaknya sentiasa memantau pintu masuk negara bagi memastikan haiwan peliharaan atau tumbuhan yang dibawa masuk ke negara ini mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/8/2019	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	46


Kucing baka *British Shorthair* 'ditahan' di KLIA

SEPANG 8 Ogos - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) menahan seekor kucing baka *British Shorthair* yang diimport menggunakan permit mengelirukan di Kompleks Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada 1 Ogos lalu.

Ketua Pintu Masuk Maqis KLIA Kargo, Mohamad Maelah dalam kenyataan hari ini berkata, penahanan itu dibuat susulan pemeriksaan ke atas 12 ekor kucing yang diimport dari Rusia.

"Didapati satu daripada permit import yang dikemukakan adalah mengelirukan dan pihak Maqis mengambil tindakan dengan menahan kucing tersebut untuk siasatan lanjut.

"Kes akan disiasat mengikut Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 iaitu mengemukakan permit palsu, tidak tepat atau



SEEKOR kucing baka *British Shorthair* yang diimport dengan mengemukakan permit mengelirukan di Sepang, Selangor, baru-baru ini.

mengelirukan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Harga pasaran bagi kucing baka berkenaan dianggarkan antara RM500 hingga RM3,000.

Mohamad berkata, jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/8/2019	BERITA HARIAN	NASIONAL	15

Rampasan di Kelantan meningkat tahun ini

Rampasan lembu seludup di Kelantan mencatatkan peningkatan ketara tahun ini dengan 143 ekor bernilai RM500,500 dirampas dari Januari hingga bulan lalu.

Bagi tempoh yang sama tahun lalu, 25 ekor bernilai RM87,500 dirampas.

Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Kelantan, Mohd Azam Yahya, berkata peningkatan rampasan itu hasil kerjasama MAQIS dengan beberapa agensi penguatkuasaan sempadan di negeri ini.

"Kita menjangkakan kegiatan penyeludupan meningkat berikutan permintaan tinggi menjelang Aidiladha. Lembu itu diseludup dari negara jiran melalui laluan sungai di pangkalan haram di Sungai Golok," katanya kepada *BH*.

Mengimport lembu tanpa mempunyai permit import yang sah daripada MAQIS adalah satu kesalahan mengikut Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 yang boleh dihukum mengikut Seksyen 11(3), akta sama.

Jika sabit kesalahan, pesalah boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya.

Mohd Azam berkata, bagi menangani kegiatan penyeludupan, pihaknya berusaha memberikan kesedaran kepada orang awam berkenaan keperluan permit import yang sah daripada MAQIS dan pematuhan terhadap syarat import dan eksport bagi mengawal penularan wabak dari negara luar.

"MAQIS juga menjalin kerjasama dengan pelbagai agensi bagi menghasilkan mutu penguatkuasaan yang lebih baik dan ke-sapsiagaan penguatkuasaan akan diteruskan memandangkan permintaan tinggi menjelang Aidiladha," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/8/2019	SINAR	ONLINE	

Maqis perketat kawalan pintu masuk negara

Pegawai Maqis menunjukkan udang geragau yang disita ketika melalui Kompleks Sultan Abu Bakar pada 1 Ogos lalu.

JOHOR BAHRU - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) mematahkan penyeludupan udang geragau seberat 240 kilogram (kg) dengan anggaran RM4,000 di laluan eksport Kompleks Sultan Abu Bakar, dekat sini 1 Ogos lalu.

Hasil pemeriksaan pegawai Maqis mendapati lori membawa konsainan itu tidak mengisytiharkan udang geragau di dalam permit eksport dikeluarkan oleh jabatan untuk dieksport ke Singapura.

Pengarah Maqis Johor/Melaka, Nur Afifah A Rahman berkata, pengimport telah disiasat dan akan didakwa mengikut Seksyen 11(2) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011.

"Jika disabitkan kesalahan boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 11(3) Akta yang sama iaitu boleh didenda tidak lebih RM100,000 atau dipenjarakan tidak lebih enam tahun atau kedua-duanya.

"Bagi kesalahan kedua atau berikutnya boleh didenda tidak lebih RM150,00 atau dipenjarakan tidak lebih tujuh tahun atau kedua-duanya," katanya dalam satu kenyataan.

Nur Afifah berkata, Maqis sentiasa memastikan kawalan penyakit haiwan, ikan, tumbuhan dan jaminan keselamatan makanan mematuhi aspek kesihatan manusia.

"Serta mengawal kemasukan penyakit yang boleh mengancam industri penternakan dan makanan di Malaysia," katanya.

Sementara itu, dalam perkembangan sama Maqis turut menahan sebuah lori membawa konsainan buah-buahan dan sayur sayuran di laluan lori eksport, Bangunan Sultan Iskandar (BSI), di sini.

Kesemua buah-buahan dan sayur-sayuran tersebut dengan anggaran berat 615.15 kg dengan nilai kira-kira RM1,258.57.

Pemeriksaan lanjut ke atas lori tersebut mendapati pengeksport gagal mengemukakan permit eksport dikeluarkan oleh Maqis terhadap enam bakul pisang, dua bakul tebu, satu bakul halia, 20 beg lengkuas, dua bakul betik dan dua beg kunyit.

"Konsainan tersebut ditahan dan disita untuk tindakan lanjut. Pengeksport akan disiasat di bawah Seksyen 11(2) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728)," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/8/2019	KOSMO	ONLINE	

Maqis tahan seekor kucing British short hair



Kucing baka British short hair yang ditahan pihak Maqis di Kompleks Kargo KLIA, Sepang pada 1 Ogos lalu berikutan permit importnya yang mengelirukan.

SEPANG - Seekor kucing baka British short hair tidak dibenarkan dibawa masuk ke dalam negara oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) berikutan permit import yang mengelirukan.

Ketua Pintu Masuk Maqis Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Kargo, Mohamad Maelah berkata, pihaknya mendapati permit import salah satu daripada 12 ekor kucing yang diimport dari Rusia itu mengelirukan ketika pemeriksaan dibuat di Kompleks Kargo KLIA, Sepang, di sini pada 1 Ogos lalu.

diimport dari Rusia itu mengelirukan ketika pemeriksaan dibuat di Kompleks Kargo KLIA, Sepang, di sini pada 1 Ogos lalu.

Difahamkan, nombor mikrochip kucing betina itu tidak sama seperti yang dikemukakan dalam permit importnya.

"Pihak Maqis mengambil tindakan dengan menahan kucing tersebut untuk siasatan lanjut.

"Kes akan disiasat di bawah Seksyen 13, Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] iaitu mengemukakan permit yang palsu, tidak tepat atau mengelirukan," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Menurut Mohamad Maelah, jika disabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

Sementara itu, dalam satu kes berasingan pada 29 Julai lalu, tiga anak pokok bonsai yang diimport dari Tanzania, Afrika tanpa permit import sah daripada Jabatan Maqis dilarang dibawa masuk.

Maqis berkata, perbuatan mengimport anak pokok bonsai tanpa permit import sah adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3), akta sama.

Katanya, jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali.

Dalam pada itu, Maqis berkata, pihaknya sentiasa memantau pintu masuk negara bagi memastikan haiwan peliharaan atau tumbuhan yang dibawa masuk ke negara ini mematuhi syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan. - K! ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
9/8/2019	SINAR	ONLINE	

Lembu seludup bernilai RM44,800 dirampas

MAQIS merampas kesemua 16 lembu seludup bernilai RM44,800.

TUMPAT - Lembu bernilai RM44,800 yang cuba diseludup masuk ke negara ini dirampas Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) minggu lepas.

Pengarahnya, Mohd Azam Yahya berkata, cubaan menyeludup 16 lembu itu dipatahkan dalam operasi bersama pasukan Jabatan Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Tumpat di tebing sungai sempadan Malaysia - Thailand.

"Kita percaya menjelang sambutan Aidiladha tidak lama lagi, lembu akan banyak diseludup masuk ke negara ini.

"Namun kita akan sentiasa mengekang penyeludupan dan kerjasama seperti ini termasuk dengan agensi penguatkuasa lain ditingkatkan," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Mohd Azam berkata, lembu yang dirampas itu diperiksa dan didapati tidak mempunyai dokumen yang sah seperti permit import (IP) daripada MAQIS.

Menurutnya, perbuatan mengimport lembu tanpa mempunyai permit import yang sah daripada Jabatan MAQIS adalah kesalahan di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

"Bagi kesalahan ini, boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 11(3) dalam akta yang sama.

"Jika disabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama tempoh tidak melebihi 6 tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

Tambahnya, MAQIS juga sentiasa memastikan tumbuhan, binatang, karkas, ikan, keluaran pertanian dan mikro organisma yang masuk ke Malaysia adalah bebas ancaman perosak, penyakit dan bahan cemar serta tidak menjejaskan sektor pertanian, penternakan dan makanan negara.

Katanya, pihak terlibat perlu mematuhi aspek kesihatan manusia, binatang, tumbuhan, ikan dan keselamatan makanan.

Headline	Sim Tze Tzin: MAQIS strictly controls the pork imports to prevent African swine fever		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	09 Aug 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A4b	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	231 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,590
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,770



沈志勤：预防非洲猪瘟入侵 检疫局严控进口猪肉

（亚罗士打 8 日讯）为了预防非洲猪瘟入侵我国，大马检疫及检验服务局严厉检查及控制所有进入我国的生猪肉、冷冻猪肉以及所有猪肉制成品。

农业及农基工业副部长沈志勤表示，在亚洲爆发非洲猪瘟（ASF）疫情后，我国已禁止人们通过海陆空入境方式，从出现非洲猪瘟疫情的国家进口或携带猪肉产品入境我国。

他是周四上午巡视吉北黑木山马泰边境关卡的大马检疫及检验服务局隔离检疫区后，如是指出。

他表示，我国目前共有约 640 间养猪场，包括沙巴及砂拉越，猪只供应足以应付国内非穆斯林，只有 7% 是靠外国进口的猪肉制成品及冷冻猪肉。

另外，他说，大马检疫及检验服务局从今年 1 月至 7 月共充公约 2000 公斤猪肉，以及逾 1900 公斤猪肉制成品，这些猪肉充公品将抽样进行检验后，依照程序销毁。

他指出，在没有任何准证下入口农产品，包括猪肉产品，将在 2011 年大马检疫及检验服务局法令第 11(1) 条文(728 条文)下被采取行动，可在 11(3) 条文下被控，若罪成将被罚款不超过 10 万令吉，或监禁不超过 6 个月，或两者兼施。

他说，黑木山马泰边境关卡是泰国农产品通过陆路方式进入我国的主要通道，为此，大马检疫及检查局必须严格执行生物安全控制，防范带有病毒、病菌或害虫的农产品进入我国，以确保进入我国的农产品、禽畜、水果、蔬菜及鱼肉等皆安全食用。

提及哈芝节的牛只供应，他指出，现有的牛只数量足够供应哈芝节，且也安全食用。

他说，目前进口的牛只大部分来自泰国，今年 5 月至 7 月通过黑木山关卡进口的牛只就有 7520 只，这些牛只会事先在泰国进行隔离 14 天，入境我国后还需要隔离 14 天才可以供应市场。#

沈志勤现有的牛只数量足够供应哈芝节。



Headline	2,000 kg pork confiscated at checkpoint		
MediaTitle	Oriental Daily News		
Date	09 Aug 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	85,616
Page No	A10	Readership	256,848
Language	Chinese	ArticleSize	118 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,070
Frequency	Daily	PR Value	RM 6,210



亚罗士打

关卡充公2千公斤猪肉

大马检疫及检验服务局从今年1月至7月共充公约2000公斤猪肉，以及逾1900公斤猪肉制成品，这些猪肉充公品将抽样进行检验后，依照程序销毁。

农业及农基工业副部长沈志勤巡视吉北黑木山马泰边境关卡的大马检疫及检验服务局隔离检疫区后说，为了预防非洲猪瘟入侵我国，大马检疫及检验服务局严厉检查及控制所有进入我国的生猪肉、冷冻猪肉及所有猪肉制成品。

他指出，在没有任何准证下入口农产品，包括猪肉产品，将在2011年大马检疫及检验服务局法令第11（1）条文（728条文）下被采取行动，可在11（3）条文下被控，若罪成将被罚款不超过10万令吉，或监禁不超过6个月，或两者兼施。

Headline	Sim Tze Tzin: Only import 7pct of foreign frozen pork		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	09 Aug 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	21	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	179 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,392
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,176



沈志勤：本地猪足应付97%需求 仅入口7%外国冷冻猪肉



沈志勤（中）巡视检验及检疫服务局的冷冻库，右者为莉莉罗斯琳，左者为赛夫

（古邦巴素8日讯）农业与农基工业部副部长沈志勤指出，我国有逾640个养猪场，猪肉是够供应97%本地市场需求，所以没从外国入口生猪，只入口7%外国的冷冻猪肉和猪肉制品。

他说，中国爆发非洲猪瘟，越南、寮国和柬埔寨去年8月也出现疫情，大马检验及检疫服务局（MAQIS）去年已在海陆空关卡加强把关和检验工作。

他说，我国也禁止从疫情国家入口猪肉，包括中国、蒙古、越南、柬埔寨、韩国和寮国。

马未出现非洲猪瘟病

沈志勤今日在马泰边境黑木山关卡的检验及检疫服务局巡视后说，大马尚未出现非洲猪瘟病，之前大马进入外国的猪肉制品多数来自欧洲和中国，检验

及检疫服务局每次充公和扣查的猪肉都会抽样化验，化验后证实呈阳性反应。

此外，他说，大马检验及检疫服务局今年1至7月充公和扣查2001公斤猪肉及1910公斤猪肉制品，都是没有依照程序向有关当局申报。

他说，为了预防害虫侵入大马，政府也严格禁止游客带外国水果、农作物、肉类和家禽进入大马。

呼吁购泰芒果回国

“很多国人喜欢在泰国购买芒果，并呼吁国人尽情在泰国享用芒果，请勿把芒果购回国。”

他说，大马今年出现2种植物害虫，即秋粘虫（fall armyworm）和水稻白叶枯病（Bacterial Leaf Blight），前者为玉蜀黍的害虫，后者则是稻米害虫，所幸情况受控制中。

在场者有大马检验及检疫服务局总监赛夫和吉州主任莉莉罗斯琳。

Nelayan warga Thailand ditahan

APMM kesan mereka menangkap ikan di zon larangan

SYAJARATULHUDA MOHD ROSLI
dan KHAIRIL ANWAR MOHD AMIN

GEORGETOWN

Agensinya Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Pulau Pinang kelmarin menahan empat nelayan warga Thailand kerana menangkap ikan di zon larangan kira-kira 11.3 batu nautika dari Barat Muka Head.

Pengarahnya, Kepten Maritim Hamizan Harun berkata, tekong bot berusia 54 tahun ditahan bersama tiga awak-awak berusia 25, 28 dan 61 tahun pada jam 1.30 petang.

Menurutnya, kesemua warga

asing itu dipercayai melakukan kesalahan mengikut Seksyen 8(b) Akta Perikanan 1985 kerana melanggar syarat sah lesen iaitu menangkap ikan kurang 15 batu nautika dari pantai terdekat.

"Kita turut merampas bot nelayan tempatan Kelas C bersama ikan campur dan ikan baja masing-masing dengan anggaran berat 500 kilogram (kg). Tahanan bersama barang rampasan dibawa ke Jeti Limbungan Batu Maung untuk tindakan lanjut," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Beliau juga mahu orang ramai menyalurkan maklumat berkaitan pencerobohan kawasan zon menangkap ikan menggunakan bot pukuk tunda yang menjadi rungutan nelayan pantai.

"Mereka boleh menghubungi talian kecemasan 24 jam iaitu MERS 999 atau Pusat Operasi Maritim Negeri Pulau Pinang di



Nelayan Thailand ditahan untuk siasatan kerana melanggar syarat sah lesen.

talian 042626146," katanya.

Sementara itu di LUMUT tiga bot termasuk dua bot nelayan asing dari Indonesia ditahan ketika rondaan APMM Perak sempena Ops Sayong kira-kira 50 batu nautika dari barat daya

Pulau Pangkor.

Timbalan Pengarah Operasinya, Komander Maritim Shahrizan Raman berkata, bot yang dinamakan sebagai KM RIZKI dan KM JURINA dari Bedagai, Medan dikatakan keluar me-

nangkap ikan pada 5 Ogos lalu masing-masing bersama empat dan lima awak-awak berumur dalam lingkungan 18 hingga 48 tahun.

"Kedua-dua bot itu kemudiannya diiring ke Pusat Tahanan Vesel Kampong Acheh untuk siasatan lanjut," katanya pada sidang akhbar semalam.

Dalam kes berasingan, Shahrizan mendedahkan bot peronda Penggalang 13 turut berjaya menaham sebuah bot nelayan tempatan Kelas B pada jam 10 malam kerana menangkap ikan di kawasan larangan di bawah Akta Perikanan 1985.

"Bot terbabit serta dua awak-awak termasuk tekong berusia 14 dan 49 tahun turut diiring masuk ke Pusat Tahanan Vesel Kampong Acheh untuk siasatan lanjut," katanya.

Shahrizan berkata, kesemua kes akan di siasat di bawah Akta Perikanan 1985.

Haiwan import korban dikuarantin 28 hari

BUKIT KAYU HITAM - Semua haiwan import bagi tujuan ibadah korban pada Hari Raya Aidiladha perlu melalui proses kuarantin selama 28 hari bagi memastikan bebas daripada penyakit kuku dan mulut (FMD).

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin berkata, ia bagi memastikan tiada sebarang penularan wabak penyakit dari luar masuk ke Malaysia.

Menurutnya, haiwan seperti lembu, kerbau dan kambing akan dikuarantin selama 14 hari di negara asal dan sekali lagi akan dikuarantin selama 14 hari di Malaysia iaitu di pusat kuarantin sementara bagi memastikan semua haiwan tersebut bebas FMD.

"Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub sebelum ini telah menyatakan bahawa kita membawa masuk lembu import untuk tujuan ibadah korban Aidiladha iaitu tiga bulan lebih awal.

"Jika ada haiwan untuk tujuan korban yang dikesan adanya tanda penyakit FMD, maka haiwan itu akan dikuarantin hinggalah ia disahkan bebas daripada FMD oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) sebelum diedarkan kepada pihak yang berkenaan," katanya pada sidang media selepas lawatannya ke Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) di sini semalam.

Tze Tzin berkata, bagi laluan pintu masuk sempadan Bukit Kayu Hitam, sebanyak 7,520 ekor lembu dibawa masuk dari negara jiran sejak Mei sehingga Julai lalu.

Kesemua ternakan akan lalui proses kuarantin sebelum dibawa masuk

Haiwan import dijamin bebas FMD

BUKIT KAYU HITAM - Kerajaan memberi jaminan haiwan ternakan yang diimport untuk ibedah korban menjelang Hari Raya Aidiladha bebas daripada penyakit kuku dan mulut (FMD).

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin berkata, ini kerana kesemua haiwan terbabit seperti lembu, kerbau dan kambing telah melalui proses kuarantin sebelum disahkan bebas FMD untuk dijual atau diedarkan dalam negara ini.

Beliau berkata, kerajaan tidak berkompromi dalam urusan pengimportan haiwan ternakan mahupun hasil pertanian yang dibawa masuk ke negara ini bagi mengelak sebarang penularan penyakit berjangkit yang boleh menjejaskan ekonomi.

"Kesemua lembu yang melalui proses import bebas daripada sebarang wabak penyakit, contohnya lembu daripada Thailand akan dikuarantin 14 hari, lepas masuk Malaysia kena kuarantin 14 hari lagi. Ini bagi memastikan



TZE TZIN (kanan) melihat proses pemeriksaan lembu korban import di sebuah stesen kuarantin haiwan di Bukit Kayu Hitam semalam.

tiada wabak FMD.

"Jika ada yang dikesan, haiwan itu akan dirawat sehingga

betul-betul bebas daripada FMD oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV)," katanya selepas

mengadakan lawatan ke pejabat Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia

(Maqis) di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam di sini semalam.

Sementara itu, Tze Tzin berkata, Maqis telah merampas sebanyak 3.9 metrik tan produk daging babi sejak Januari hingga Julai lalu di seluruh negara.

Katanya, rampasan itu membabitkan dua metrik tan daging babi dan 1.9 metrik tan produk hasilan babi yang cuba diseludup melalui pintu masuk serpadan negara.

"Bagaimanapun selepas sampel diambil dan telah melalui ujian makmal mendapati semua produk itu bebas daripada penyakit African Swine Fever (ASF)," katanya.

Tambah beliau, kerajaan telah mengeluarkan arahan larangan pengimportan sementara ke atas babi dan produk berasaskan haiwan itu dari negara yang berjangkit seperti China, Vietnam, Laos, Poland dan Belgium sejak 12 November tahun lalu bagi mengekang penularan ASF. -Bernama

RM25,000 untuk korban Merah

BACHOK - Seekor lembu yang diberi nama Merah kerana kulitnya yang licin, jinak dan manja ditawarkan pada harga RM25,000 untuk ibadah korban pada Hari Raya Aidiladha, Ahad ini.

Pemilik lembu pejantan baka Limosin itu, Abdul Rahim Salleh, 74, dari Wakaf Zin, Tawang berkata, sepasang dipamerkan di Hari Peladang, Penternak dan Nelayan peringkat negeri baru ini, ada pembeli yang tampil menawarkan harga RM22,000.

"Lembu sado seberat 1,300 kilogram (kg) itu hanya akan dijual pada harga RM25,000 sekiranya ada pihak yang mahu membelinya.

"Saya akan terus membelinya sekiranya tawaran harga itu tidak mendapat sambutan," katanya ketika ditemui di rumahnya, di sini semalam.

Abdul Rahim berkata, harga yang ditetapkan adalah berpatutan yang tidak berdasarkan harga untuk baka tetapi bersandarkan jumlah timbangan dagingnya iaitu

186 kilogram untuk setiap bahagian korban bernilai kira-kira RM3,000.

Katanya, lembu dari baka yang sama seberat 1,200kg pernah dijualnya dengan harga RM17,500 kepada seorang penjual daging tempatan dua tahun lalu.

"Walaupun sayang kerana Merah banyak jasa dengan kemenangan dalam setiap pertandingan, nilai perniagaan perlu diambil kira dan saya sanggup menjualnya dengan harga yang telah ditetapkan," katanya.



ABDUL RAHIM bersama Merah ketika ditemui di Kampung Wakaf Zin, Tawang, Bachok semalam.



SEORANG peserta membelai kucing yang dibawanya.



LEBIH 140 ekor kucing menyertai pertandingan National MEOW Championship baru-baru ini.

SETIAP kucing akan diberi...

National MEOW Championship pupuk semangat cinta



NOR AZIAH memegang kucingnya yang dibawa menyertai pertandingan National MEOW Championship.

BAGI sesetengah orang, melihat kecomelan dan gelagat manja kucing bukan sahaja mampu mencuit hati tetapi ia seolah satu terapi untuk berasa lebih tenang.

Maka, tidak hairanlah ramai masyarakat di negara ini mengambil keputusan untuk memelihara haiwan tersebut.

Nor Aziah Abdullah, 49, merupakan antara salah seorang individu yang memelihara kucing di rumahnya.

Baginya, haiwan tersebut memiliki sifat manja sehingga membuatkan dia tertarik untuk memeliharanya.

"Saya mula memelihara kucing sejak 10 tahun lalu. Pada ketika itu saya saja dua ekor sahaja.

"Tetapi kini, saya pelihara lebih 50 ekor kucing di rumah," katanya yang berasal dari Bagan Datuk, Perak.

Ujarnya, kesemua kucing yang dibelanya adalah baka-baka kucing kampung.

Selain itu, jika ada kelapangan Nor Aziah juga sering membawa kucing-kucing peliharaannya untuk menyertai pertandingan yang melibatkan haiwan tersebut.

Baru-baru ini, dia telah membawa 11 ekor kucing peliharaannya untuk menyertai National MEOW Championship 2019 yang diadakan di Sunway Velocity Mall, Cheras, Kuala Lumpur.

"Saya menyertai pertandingan itu bagi mengangkat martabat kucing-kucing baka tempatan.

"Seperti yang kita ketahui, kebanyakan kucing-kucing yang menyertai sesuatu pertandingan adalah daripada baka-baka kacukan dan juga luar. Sebenarnya kucing daripada baka tempatan juga sangat comel jika dijaga



AKSESORI untuk kucing turut dijual pada pertandingan tersebut.

sebaiknya," katanya.

Sementara itu, National MEOW Championship 2019 yang diadakan sebanyak lapan edisi bermula Mac lalu diadakan bagi memupuk semangat cintakan haiwan kucing dan mendekati pencinta haiwan terutamanya orang awam dan pencinta kucing di seluruh Malaysia.

KANDID



WHAN AIRIL

orang ramai terutamanya pemilik haiwan tersebut.

Jelasnya, acara tersebut dijalankan selama dua hari baru-baru ini melibatkan dua kategori iaitu untuk kucing berbulu pendek dan panjang.

"Seramai 110 peserta menyertai pertandingan ini manakala 14 kucing telah dipertandingkan

"Kucing yang bertanding termasuklah kucing baka pedigree dan kucing baka tempatan atau lebih dikenali sebagai Hc Pets (HHP)," katanya.

Tambahnya, acara pada hari merupakan siri ketiga pertandingan dan terdapat tujuh pusingan keseluruhan bagi tahun 2019 kemuncaknya pada Grand Final dijangka diadakan pada Februari.

Pada pertandingan tersebut orang ramai dapat bertemu dan melihat secara langsung baka dipertandingkan dengan lebih boleh menyentuh haiwan tersebut.

Kebanyakan kucing baka tempatan pedigree berharga lebih RM3,000.

Secara keseluruhan, terdapat lapan kategori yang dipertandingkan untuk peringkat National MEOW Championship 2019.

Bagi kategori bulu pendek daripada Adult Open Shorthair



SEORANG kucing tidur di dalam sangkang.



PRODUK kesihatan untuk kucing turut dijual.



TERDAPAT peserta yang membawa beberapa ekor kucing peliharaannya bagi menyertai pertandingan tersebut.

nombor khas semasa pertandingan tersebut.

Championship 2019 Kucing Haiwan

tertai
0 ekor

tulen
empatan
useHold

ri itu
lingan
secara
nanakala
ale yang
ari 2020.
it,
lan
yang
dekat dan
abit.
ulen
00 seekor.
at
lingkan
OW

terdiri
, HHP



kar khas.

Shorthair, Junior Shorthair dan Kitten Shorthair.

Kategori bulu panjang pula terdiri daripada *Adult Open Longhair, HHP Longhair, Junior Longhair dan Kitten Longhair.*

"Apa yang menariknya berkenaan pertandingan ini berbanding pertandingan kucing lain adalah kita tampillkan tiga juri termasuk dua juri dari Indonesia dan Singapura selain juri tempatan.

"Setiap juri akan menitikberatkan faktor kebersihan, kecantikan kucing, dan personaliti kucing ketika berada dalam gelanggang. Sekiranya faktor-faktor penjurian dipenuhi, maka markah tinggi akan diberikan kepada kucing yang berjaya," kata Whan Airl.

Tambah beliau, program tersebut bakal dilaksanakan lagi pada masa akan datang bagi memupuk semangat cintakan haiwan dalam kalangan masyarakat.



DUA kategori dipertandingkan dalam pertandingan tersebut melibatkan kucing berbulu pendek dan panjang.



PERTANDINGAN kucing tersebut telah diadakan di Sunway Velocity Mall, Cheras, Kuala Lumpur.

Headline	Nelayan Sabah Diingat Jangan Turun Ke Laut Musim Tengkujuh		
MediaTitle	Siakap Keli (siakapkelim.my)		
Date	09 Aug 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	10	Readership	1
Language	Malay	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 450
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,350

Nelayan Sabah Diingat Jangan Turun Ke Laut Musim Tengkujuh

Kota Kinabalu: Menteri Pertanian dan Industri Makanan Sabah, Datuk Junz Wong mengingatkan nelayan di negeri ini supaya tidak turun ke laut semasa musim tengkujuh berikutan keadaan angin kencang dan laut bergelora di perairan pada ketika ini, dikhuatiri me...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

DR HOE
HAN GOH

AGRIBIOTECH

WE DISLIKE GM FOODS BECAUSE WE'RE IGNORANT ABOUT THEM

Field trials are necessary for research on genetically-modified plants and organisms

PROTESTERS of the recent application of a confined genetically modified (GM) rice field trial at the Malaysian Agricultural Research and Development Institute (MARDI) Arau station in Tambun, Perlis, claimed that GM rice threatens Malaysia as a centre of genetic diversity for rice.

GM rice could accidentally contaminate natural rice varieties around the site through animals, machinery or workers involved. This is a serious biosafety concern but it can be prevented.

The field trial will be performed in an enclosed space with double layers of metal and nylon nets that prevent entry and escape of pollens, insects, animals, and unauthorised access with 24-hour security.

Only trained personnel will have access to the site and all plant materials will be incinerated after harvest at the end of trial. Hence, breach of containment is unlikely unless there is sabotage, which poses a biosafety issue.

Protesters also claimed that "genetic engineering is an inherently unpredictable process associated with unintended effects".

Therefore, they are rejecting the field trial of GM MR219 rice due to the lack of food safety and toxicity results, which ironically, is aimed to gather such data.

Based on most scientific evidence, genetically modified organisms (GMOs) do not pose higher risks for food and feed safety than conventional plants and organisms over the last two decades since their introduction to the market in 1996.

The safety of GM crops has been largely based on the absence of evidence of harm in tests instead of actual safety evidence.

A holistic research is therefore needed to consider long-term real field conditions, with comparisons with other production systems, such as integrated pest



Genetic-modification technology can be used by plant researchers to create productive, nutritious or hardy crops. FILE PIC

management, organic and agroecological.

However, if no field trial is allowed, how is this research possible?

This is akin to banning human clinical trials for new drugs.

In Malaysia, there will never be any data to prove the safety of GM rice to people and other non-target organisms if applications for field trials are rejected.

In hindsight, the opponents of GM rice help ensure that safety measures will be implemented to avoid negative ramifications during or after the field trial.

Nonetheless, we can agree that no GM rice should be approved for cultivation without proof of biosafety from field trials.

The coexistence of GM and non-GM crops is possible only through strict traceability and the implementation of buffer zones between farms, as seen in

the European Union, ranging from 15m (Sweden) to 800m (Luxembourg).

Pollen barriers — such as hedges, trees or conventional crops surrounding the farms — can prevent pollen movement. The coexistence of GM and non-GM soybean in Canada provides an interesting reference.

In case of inadvertent contamination in organic or conventional farms, a crop insurance programme or liability fund contributed by GM seed producers and farmers can be put in place to compensate for economic losses.

On the other hand, most of the negative socio-economic impacts to subsistence farmers in developing countries adopting GM crops are not from the GM plants per se.

Problems with poverty and loss of biodiversity are usually a consequence of corporate control of

agriculture with irresponsible intensive farming.

Therefore, there needs to be regulations in place to ensure transnational agrochemical and seed companies be held accountable for negative impacts brought by GMOs, if substantiated.

Labelling of fresh and processed food and feed containing more than 0.9 per cent of approved GMOs will need to be enforced by government agencies to trace, detect and identify GMOs.

Each GM food must be tested on a case-by-case basis before introduction.

Malaysia is blessed to have active non-government organisations who are concerned about the security and safety of food and the natural environment.

They serve as checks and balances to ensure that the precautionary principle advocated under the Biosafety Act is practiced.

While we are contemplating on the approval of the first GM rice field trial, the world has fast moved on to the adoption of gene editing technology with precision genetic engineering of the organism's own genome without the concerns of transgenes or antibiotic markers.

This GM technology holds great promises to crop improvement with resistance against diseases, environmental stresses and fortified nutrients to provide for growing populations under fast-changing climates.

Most people dislike GM foods because they don't know what GM foods are and how they are created.

A recent research showed that those who think they know the most about GM foods, in fact know less due to their ingrained beliefs.

Therefore, the public needs to be made aware of the evidence-based science behind genetic modification technology that can be used by local plant researchers in creating more productive, nutritious or hardy crops through open forums and education.

Malaysian global prominence in agritech will forever be an illusion if we decide to ban GM crops.

The writer is an associate professor and a leader of Plant Functional Genomics Research Group at Institute of Systems Biology, Universiti Kebangsaan Malaysia

Based on most scientific evidence, GMOs do not pose higher risks for food and feed safety than conventional plants and organisms over the last two decades since their introduction to the market in 1996.